

**Soal Selidik Mengenai Kemosrotan Produktiviti Kerja dan Aktiviti:
Artritis reumatoid V2.0 (WPAI:RA)**

Soalan-soalan yang berikut bertanyakan tentang kesan penyakit artritis reumatoid anda ke atas keupayaan anda untuk bekerja dan melakukan aktiviti-aktiviti yang biasa. *Sila isi tempat kosong atau bulatkan satu nombor seperti yang ditunjukkan.*

1. Adakah anda sekarang bekerja (bekerja untuk gaji)? _____ TIDAK _____ YA
Jika TIDAK, tandakan "TIDAK" dan terus ke soalan 6.

Soalan-soalan yang seterusnya merujuk kepada **tujuh hari yang lalu**, tidak termasuk hari ini.

2. Sepanjang tujuh hari yang lalu, berapa jamkah yang anda tidak hadir bekerja kerana masalah-masalah yang berkaitan dengan penyakit artritis reumatoid anda?
Masukkan jumlah jam anda tidak hadir kerja disebabkan sakit, masa anda masuk kerja lewat, tinggalkan tempat kerja awal, dsbnya, kerana penyakit artritis reumatoid. Jangan masukkan masa yang anda tidak dapat hadir kerja kerana anda perlu terlibat dalam kajian ini.

_____ JAM

3. Sepanjang tujuh hari yang lalu, berapa jamkah anda tidak dapat hadir bekerja kerana alasan-alasan yang lain, seperti bercuti, cuti umum, masa pelepasan untuk menyertai kajian ini?

_____ JAM

4. Sepanjang tujuh hari yang lalu, berapa jamkah anda sebenarnya bekerja?

_____ JAM (*Jika "0", terus ke soalan 6.*)

5. Sepanjang tujuh hari yang lalu, sejauh manakah penyakit artritis reumatoid menjejaskan produktiviti anda semasa anda sedang bekerja?

Fikirkan tentang hari-hari yang anda terhad dari segi jumlah atau jenis kerja yang anda boleh lakukan, hari-hari yang anda selesaikan kurang daripada apa yang anda inginkan atau hari-hari yang anda tidak dapat lakukan kerja anda dengan sebaik-baiknya seperti biasa. Sekiranya penyakit artritis reumatoid anda mempengaruhi kerja anda sedikit sahaja, pilih nombor yang rendah. Pilih nombor yang tinggi sekiranya penyakit artritis reumatoid anda mempengaruhi kerja anda dengan banyak.

Hanya fikirkan sejauh manakah penyakit artritis reumatoid menjejaskan produktiviti semasa anda sedang bekerja.

Penyakit artritis reumatoid tidak mempunyai kesan ke atas kerja saya

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Penyakit artritis reumatoid menghalang saya sepenuhnya daripada bekerja

BULATKAN SATU NOMBOR

6. Sepanjang tujuh hari yang lalu, sejauh manakah penyakit artritis reumatoid anda menjejaskan keupayaan anda untuk mengerjakan aktiviti-aktiviti harian tetap anda, selain daripada tugas di tempat kerja?

Aktiviti-aktiviti tetap yang kami maksudkan ialah aktiviti-aktiviti biasa yang anda lakukan seperti kerja di sekitar rumah, membeli-belah, menjaga kanak-kanak, bersenam, belajar, dsb. Fikirkan tentang masa-masa yang anda terhad dari segi jumlah atau jenis aktiviti-aktiviti yang anda boleh lakukan dan masa-masa yang anda selesaikan kurang daripada anda inginkan. Sekiranya penyakit artritis reumatoid anda mempengaruhi aktiviti-aktiviti anda sedikit sahaja, pilih nombor yang rendah. Pilih nombor yang tinggi sekiranya penyakit artritis reumatoid anda mempengaruhi aktiviti-aktiviti anda dengan banyak.

Hanya fikirkan sejauh manakah penyakit artritis reumatoid menjejaskan keupayaan anda untuk mengerjakan aktiviti-aktiviti harian tetap anda, selain daripada tugas di tempat kerja.

Penyakit artritis reumatoid tidak mempunyai kesan ke atas aktiviti-aktiviti harian saya

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Penyakit artritis reumatoid menghalang saya sepenuhnya daripada melakukan aktiviti-aktiviti harian saya

BULATKAN SATU NOMBOR

WPAI:RA V2.0 (Malay for Malaysia)